

<input checked="" type="checkbox"/> Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/> Mingguan Malaysia
Tarikh: 29/6/2011
Hari: RABU MS: 8
Ruangan: DALAM NEGERI

## Kerajaan perlu ambil tindakan

KUALA LUMPUR 28 Jun – Kerajaan, terutama pihak keselamatan, perlu mengambil tindakan keras ke atas pengacau yang merancang mengadakan perhimpunan haram pada 9 Julai ini, termasuk menahan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Pelbagai badan bukan kerajaan dan ahli akademik berpendapat tindakan keras itu perlu diambil berikutan pihak polis telah pun menerima hampir 2,000 laporan daripada pelbagai lapisan masyarakat di seluruh negara membantah perhimpunan haram itu.

Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr. Sham Rahayu Abdul Aziz (**gambar**) berpendapat tidak ada pihak yang boleh menjamin ketenteraman dan keselamatan masyarakat sekeliling jika perhimpunan haram yang dijangka menghim-



punkan lebih 500,000 orang itu diadakan.

Menyokong pendapat itu, pensyarah Kajian Politik dan Antarabangsa dari Universiti Utara Malaysia (UUM),

Md. Shukri Shuib pula berkata, ISA merupakan pilihan terbaik bagi mengengkang perhimpunan sebegini yang dilihat mempunyai unsur subversif terhadap negara.

Bagi Presiden Alternative Action Team (AAT), B. Kalaivanar, perhimpunan yang diketuai oleh Datuk S. Ambiga itu adalah musuh untuk menghasut ge-

nerasi muda supaya mengikuti perhimpunan haram tersebut.

“Ambiga pernah mengadakan perhimpunan pada tahun 2007 bagi menggugat keharmonian kaum dan agama. Selepas itu beliau sekali lagi membuat perhimpunan *Walk Of Justice* jadi kita boleh menilai mengenai dirinya,” katanya. - BERNAMA